



suara eperolehan

Februari 2003 | Fasa 3 | Edisi 5

Sidang Editor:

En Cheong Beng Seng
Pn Hj Aabidah Siraj
Pn Nor Mazita Sharif
Pn Jaya Nair
Pn Salina Isa
Cik Hasfa Reny
Cik Hazlinda Ibrahim

Grafik & Rekabentuk
Cik Hasfa Reny

Akaun e-mel *eperolehan.net.my* percuma

Sebagai pengasas dan pembangun ePerolehan, salah satu inisiatif Commerce Dot Com Sdn Bhd adalah untuk memberi perkhidmatan tambah-nilai kepada pengguna-pengguna ePerolehan. Justeru itu, ePerolehan kini menawarkan akaun e-mel ***eperolehan.net.my*** secara percuma kepada pengguna-pengguna PTJ yang memerlukan.

Akaun e-mel ini boleh digunakan untuk tujuan menghantar atau menerima e-mel seperti biasa dari mana-mana komputer melalui sistem "Webmail" yang disediakan. Ia bertujuan untuk menyalurkan maklumat terkini mengenai projek ePerolehan melalui buletin elektronik "Suara ePerolehan" dan juga pengumuman-pengumuman penting dari masa ke semasa.

Untuk mendapatkan akaun e-mel percuma ini, pengguna PTJ hanya perlu mengikuti 3 langkah mudah seperti yang berikut:

- ♦ Kunjungi www.eperolehan.com.my dan klik pada butang **Daftar** yang terletak di bahagian atas kanan skrin.
- ♦ Isikan borang pendaftaran e-mel secara atas talian.
- ♦ Log masuk "Webmail" di alamat mail.eperolehan.net.my untuk menggunakan akaun e-mel yang telah dicipta. (**Perhatian:** Akaun e-mel akan dicipta dalam masa 24 jam atau pada hari kerja yang berikutnya.)

Kepada mereka yang menghadapi masalah berkenaan perkhidmatan e-mel percuma ini, sila hubungi Bahagian Khidmat Bantuan Pelanggan Commerce Dot Com Sdn Bhd di talian 03-8312 2626.



Akaun e-mel percuma sebagai satu perkhidmatan tambah nilai untuk para pengguna PTJ.

Kepentingan peranan Pentadbir PTJ

Pentadbir PTJ memainkan peranan yang penting di dalam sistem ePerolehan iaitu menguruskan profil pengguna.

Fungsi Pentadbir PTJ di dalam tiga senario yang berlainan adalah seperti berikut:

- 1. Pengguna baru** – Untuk mendapatkan kad pintar, Pentadbir PTJ hendaklah mencipta profil pengguna tersebut dan menghantar satu salinan kad pengenalan ke Commerce Dot Com Sdn Bhd untuk diproses.
- 2. Pengguna yang berhenti atau bersara** – Pentadbir PTJ hendaklah memansuhkan profil pengguna di PTJ tersebut.
- 3. Pengguna yang bertukar dari PTJ A ke PTJ B** – Pentadbir PTJ A hendaklah menghapuskan profil pengguna tersebut dari PTJ A dan Pentadbir PTJ B hendaklah mencipta profil pengguna tersebut ke PTJ B. Tetapi pengguna masih boleh menggunakan kad pintar yang sama.

510 PTJ akan menggunakan ePerolehan

Bermula dari Oktober 2002 sehingga kini sebanyak 49 PTJ telah mula menggunakan sistem ePerolehan bagi pembelian barangan melalui Kontrak Pusat dan Pembelian Terus. Adalah dianggarkan selepas bulan Februari 2003, jumlah PTJ yang boleh menggunakan sistem akan bertambah kepada 510. Bilangan ini merangkumi PTJ-PTJ di Lembah Kelang dari 25 Kementerian yang sedia ada.

Pada peringkat awal pelaksanaan, ePerolehan telah diperluaskan keseluruh Semenanjung Malaysia bagi PTJ di bawah Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta Kementerian Kesihatan. Manakala pelaksanaan bagi Kementerian Pendidikan pula setakat ini meliputi Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Setiap Kementerian dikehendaki menubuhkan Pasukan Petugas masing-masing bagi memantau pelaksanaan ePerolehan di agensi masing-masing. Pasukan Petugas ini perlu diwujudkan di setiap peringkat iaitu Kementerian, Jabatan dan Negeri. Tugas-tugas utama Pasukan Petugas ialah:

- ♦ Membantu menyediakan infrastruktur dan khidmat sokongan IT (Komputer dan rangkaian).
- ♦ Menasihati *Chief Information Officer* (CIO) mengenai pelaksanaan ePerolehan secara keseluruhan di peringkat Kementerian dan agensi.
- ♦ Menubuhkan Pasukan Pelaksana peringkat Kementerian dan agensi.

Oleh kerana tumpuan pembelian adalah di Lembah Kelang, Pasukan Pelaksana telah mengubah strategi dengan menumpukan usaha *rollout* kepada semua PTJ di bawah 25 Kementerian yang beroperasi di Lembah Kelang. Bilangan PTJ akan terus bertambah apabila aktiviti *roll-out* diperluaskan di kawasan-kawasan lain di Malaysia.

Sesi Dialog Bersama Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)



Antara peserta-peserta dari Persatuan Kontraktor Buku Malaysia yang hadir pada sesi dialog di Cyberjaya.

Satu sesi dialog telah diadakan pada 22 Jan 2003 di Cyberview Lodge, Cyberjaya di atas permintaan PKBM. Wakil dari Mykatalog Sdn Bhd turut diundang untuk memberi penerangan tentang cara-cara penyediaan katalog elektronik. Antara topik-topik utama yang dibincangkan ialah cara-cara dan proses memuat naik katalog, cara perolehan Kerajaan dilaksanakan dan keperluan-keperluan yang perlu dimiliki oleh para pembekal untuk memenuhi pembelian tersebut.

Para peserta turut dimaklumkan mengenai status dan perkembangan ePerolehan yang giat dilaksanakan di PTJ-PTJ serta tarikh pelancaran modul Sebutharga dan Tender kelak. Seramai 44 peserta dari 27 syarikat telah menghadiri sesi dialog tersebut. Pelbagai manfaat telah berjaya diperolehi oleh para peserta terutamanya kefahaman dan perkembangan ePerolehan serta kerjasama yang lebih erat di antara PKBM dengan pihak Commerce Dot Com untuk menjayakan projek ePerolehan.



Pembekal-pembekal diseru menyertai ePerolehan

Pada bulan Disember 2002, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, telah menyarankan para pembekal supaya membuat persiapan untuk menyertai ePerolehan agar PTJ-PTJ yang telah dan akan menggunakan ePerolehan dapat membuat perolehan secara atas talian. Langkah-langkah yang perlu diambil oleh pembekal untuk berurusniaga dengan PTJ melalui ePerolehan adalah seperti berikut:

Langkah 1 Berdaftar dengan ePerolehan

Pembekal mesti berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan ePerolehan menerusi laman web ePerolehan di alamat:
<http://www.eperolehan.com.my>

Langkah 2 Memohon Kad Pintar

Sekurang-kurangnya satu kad pintar berharga RM110 perlu dimiliki oleh setiap syarikat pembekal untuk berurusniaga secara Kontrak Pusat, Pembelian Terus, Sebutharga ataupun Tender.

Permohonan boleh dibuat dengan mengisi *Borang Pesanan Kad Pintar ePerolehan*, menyertakan salinan kad pengenalan dan membuat bayaran melalui cek, wang pos/kiriman wang atau deraf bank kepada Commerce Dot Com Sdn Bhd.

Langkah 3 Menyediakan Infrastruktur

Tiga keperluan asas infrastruktur untuk berurusniaga melalui ePerolehan adalah seperti berikut:

1. Komputer yang dilengkapi dengan Modem
2. Akaun Internet
3. Alat Pembaca Kad Pintar

Sila rujuk laman web ePerolehan untuk mendapatkan spesifikasi sepenuhnya.

Langkah 4 Menyediakan Katalog Elektronik

Pembekal yang ingin berurusniaga secara **Pembelian Terus** perlu mempunyai katalog elektronik yang dicipta mengikut format ePerolehan.

Untuk mencipta katalog elektronik, pembekal boleh terus ke laman web <http://www.mykatalog.com.my>. Di laman web tersebut, pembekal boleh mencipta dan menghantar sendiri maklumat katalog secara atas talian. Bagi pembekal yang ingin memilih cara manual pula, pembekal bolehlah mendapatkan *Borang Mencipta Katalog* di laman web ePerolehan.

Tiada bayaran dikenakan bagi 10 item pertama yang dimuatkan ke dalam sistem ePerolehan

Langkah 5 Menyertai Latihan

Terdapat dua jenis latihan yang disediakan untuk para pembekal mempelajari penggunaan sistem ePerolehan. Pembekal boleh memilih untuk mempelajari sendiri sistem ePerolehan melalui Latihan Berasaskan Komputer (percuma) dari laman web ePerolehan **ATAU** menghadiri latihan dalam kelas yang menggunakan teknik *hands-on*.

Sekiranya pembekal memerlukan latihan di dalam kelas, permohonan boleh dibuat dengan mengisi *Borang Kursus ePerolehan* yang boleh didapati di laman web ePerolehan.

Untuk sebarang pertanyaan atau penerangan lanjut, sila hubungi talian Khidmat Bantuan Pelanggan di nombor **03-8312 2525**. Semua PTJ yang telah diperbolehkan di dalam ePerolehan diharap dapat sama-sama menyampaikan maklumat tersebut kepada para pembekal supaya persiapan boleh dibuat untuk menyertai ePerolehan.



Pembekal Allmax mencatat keuntungan besar melalui ePerolehan

Semenjak pelancaran sistem ePerolehan melalui dua modul iaitu Kontrak Pusat dan Pembelian Terus, ramai pembekal yang telah berjaya melipat-gandakan keuntungan masing-masing. Allmax Vision (M) Sdn. Bhd. (Allmax), yang ditubuhkan 11 tahun yang lalu, menawarkan 80 peratus daripada produk kelengkapan komputer dan pejabat kepada agensi-agensi kerajaan manakala selebihnya kepada pihak swasta serta orang ramai. Ikuti temu bual dengan Pengurus Besar syarikat Allmax Vision yang telah berjaya menggandakan jualan perniagaannya dalam tempoh enam bulan yang lalu selepas menggunakan sistem ePerolehan.

SOALAN (S): Boleh En. Mohd Fakhir ceritakan bagaimana sistem ePerolehan membantu dalam kejayaan ini?

JAWAPAN (J): Sejak menggunakan sistem ePerolehan, bilangan pelanggan syarikat telah meningkat ekoran perluasan pasaran secara 'maya' manakala kos operasi perniagaan pula menurun. Jualan dapat ditingkatkan menerusi perkembangan pasaran tanpa perlu membuka cawangan di seluruh negara. Sistem ePerolehan juga telah memendekkan tempoh pembayaran ke atas jualan antara 7 hingga 14 hari sahaja. Ini membolehkan kami membuat pusingan modal dengan cepat selain dapat meningkatkan nilai perniagaan dalam masa yang singkat menerusi pulangan tunai jualan yang lebih baik. Keadaan ini sangat menguntungkan terutama kepada firma perniagaan yang bersaiz kecil untuk membuat pusingan modal perniagaan dengan lebih cepat dan menambahkan kecairan syarikat.

(S): Apa komen En. Mohd Fakhir mengenai para pengguna yang masih ragu-ragu mengenai kebaikan sistem ePerolehan?

(J): Apa sahaja perkara yang kita lakukan akan menjadi sukar jika kita menganggapnya sukar. Sistem ini 'selamat' dan sangat mudah digunakan. Pelaburan sebanyak RM300 untuk sistem itu adalah sangat 'berbaloi' berdasarkan pulangan peluang perniagaan yang begitu menggalakkan. Buktinya, syarikat kami dapat menampung kos berkenaan dengan nilai jualan dalam masa kurang dari sebulan.



*ePerolehan terbukti berkesan-
En. Mohd Fakhir, Pengurus
Besar Allmax Vision.*

(S): Apa nasihat En. Mohd Fakhir kepada semua pembekal Kerajaan yang lain?

(J): Saya amat yakin dengan keupayaan sistem ePerolehan dan sememangnya terbukti dapat memberikan faedah kepada pembekal dan juga Kerajaan. Ini adalah satu usaha Kerajaan dalam menjadikan warga Malaysia 'Celik IT' dan kita seharusnya menyokong usaha tersebut dengan penuh kesungguhan.

Ralat:

Suara ePerolehan Oktober 2002 | Fasa 3 | Edisi 3 bagi artikel "Taklimat ePerolehan di Kementerian Pembangunan Usahawan & MATIC", jawatan Timbalan Ketua Setiausaha adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) manakala MATIC pula kini dikenali sebagai MTC, dan bukan seperti yang dicetak. Bagi edisi Disember 2002 | Fasa 3 | Edisi 4, artikel "Perkhidmatan Pelanggan ePerolehan Dipergiatkan", eP Shoppe, Putrajaya dikenali sebagai Kaunter ePerolehan, Putrajaya.



Tahukah Anda?

"Bilangan pengguna Internet di Malaysia telah meningkat dari 460 000 ke 2.2 juta dari tahun 1999 ke tahun 2001. Bilangan ini akan terus meningkat dari masa ke semasa. Pasaran Malaysia untuk aktiviti e-dagang diramal mencatat nilai sebanyak USD 1 Juta pada tahun 2003"

(Petikan dari ucapan Dato' Mustapha Mohamad, Bekas Menteri Kewangan Kedua Malaysia semasa pelancaran laman web syarikat OSK Holdings Berhad.)

Sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi:

**Unit Khidmat Bantuan Pelanggan
(Customer Service)**

Commerce Dot Com Sdn Bhd

Blok Enggang, Cyberview Gardens
63000 Cyberjaya

Tel: 03 8312 2626

Faks: 03 8318 2488

Emel: bantuan@eperolehan.com.my